

Penjawat awam lapor kes rasuah dilindungi

JPA beri jaminan keselamatan, maklumat pengadu dirahsiakan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi jaminan keselamatan dan maklumat penjawat awam akan dilindungi sekiranya mereka melaporkan kesalahan rasuah di kementerian, jabatan serta agensi kerajaan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata se-

mua maklumat dan butiran pengadu dirahsiakan mengikut peraturan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.

Katanya, kerajaan memang memandang serius sebarang isu salah laku membabitkan penjawat awam.

Susulan itu, beliau berkata, JPA menggalakkan penjawat awam tampil memberi maklumat berkaitan sebarang salah laku dalam usaha membendung

ketirisan di organisasi masing-masing.

"Kesalahan ini terutama membabitkan penyalahgunaan kuasa pada pelbagai peringkat tanpa mengira pangkat dan kedudukan," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan media mengenai tekanan dihadapi penjawat awam ketika berdepan kegiatan rasuah di organisasi masing-masing.

Mohd Khairul berkata, semua ketua jabatan diarahkan sentiasa mengawal sebarang ketirisan dan penyalahgunaan kuasa di semua peringkat organisasi.

Katanya, pemberi maklumat mempunyai pelbagai saluran untuk menyampaikan maklumat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Unit Integriti di setiap organisasi masing-masing.

Beliau berkata, semua penjawat awam, tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (1993)(P.U.A 395/1993).

"Sebarang pelanggaran kepada mana-mana peraturan termasuk tidak melaporkan salah laku pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib.

"JPA mengucapkan syabas dan tahniah kepada penjawat awam yang berani tampil bagi membendung salah laku, malah inisiatif ini menunjukkan me-



Pemberi maklumat mempunyai pelbagai saluran untuk menyampaikan maklumat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Unit Integriti di setiap organisasi masing-masing.

Mohd Khairul Adib Abd Rahman,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

reka mempunyai integriti sangat tinggi serta boleh menjadi contoh kepada penjawat awam lain.

"Kita mengucapkan tahniah kepada SPRM dan agensi penguat kuasa atas tindakan proaktif berterusan bagi memastikan amalan rasuah dapat dibanteras secara menyeluruh, seterusnya dapat meningkatkan integriti serta tadbir urus yang baik dalam Perkhidmatan Awam," katanya.

